

# Indeks BSKL cecah 700 mata, tertinggi dalam sepuluh bulan

UM - 3 JUL 2005

KUALA LUMPUR 2 Julai — Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) hari ini mencecah paras tertinggi dalam tempoh sepuluh bulan dengan Indeks Komposit (IK) melepasi paras 700 mata, buat kali pertama sejak September tahun lalu.

IK ditutup pada 703.26 mata, naik 9.68 mata dalam dagangan yang bernilai RM1.083 bilion sepanjang hari ini.

Paras tertinggi pada 5 September 2002, menyaksikan IK ditutup pada 705.95 mata.

Penganalisis pasaran berpendapat keadaan pasaran yang menggalakkan akan berterusan untuk sekurang-kurang seminggu lagi dengan urus niaga lebih menyeluruh sambil diikuti oleh proses penyatuan selepas itu.

## Pasaran aktif

Mereka berpendapat BSKL akan menyaksikan paras halangan IK pada 705 mata manakala paras sokongan pula dijangkakan pada 690 mata.

Pasaran saham dikatakan kembali cergas sejak awal bulan lalu hasil pengumuman pakej strategi baru ekonomi yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Pada masa yang sama, keadaan pasaran yang aktif juga disumbangkan oleh prestasi dan pencapaian yang menggalakkan kaunter saham mewah.

Prestasi BSKL itu juga selari dengan pasaran-pasaran lain di rantau ini, tambah mereka.

Seorang penganalisis pasaran yang enggan dikenali berkata, pasaran juga menyaksikan kemasukan sejumlah kecil pelabur asing sambil percaya kenaikan pasaran dijangka berterusan beberapa minggu lagi.

■ Lihat muka 4

# Indeks BSKL cecah 700 mata, tertinggi dalam sepuluh bulan

Beliau berkata, keadaan ini akan berlaku kerana tiada petunjuk kuat yang menyokong peningkatan ini kecuali ketidakpastian ekonomi dunia mulai menghilang.

Katanya, pengukuhan ini juga dipercayai mendapat sokongan daripada pakej strategi baru ekonomi yang diumumkan baru-baru ini.

Sementara itu, penganalisis lain pula berkata, peningkatan dalam pasaran mungkin juga disebabkan oleh pelabur yang merasakan kini sudah sampai masanya untuk mereka kembali memasuki pasaran.

Katanya, saham-saham murah juga menarik minat pelabur.

Sejauh mana mereka akan kekal dalam pasaran akan bergantung kepada wujudnya petunjuk-petunjuk baru dalam pasaran, tambah beliau.